

17 FEB 1999

GPMS-Remaja

REMAJA MELAYU PALING BANYAK TERBABIT DENGAN JENAYAH

Oleh: Roslina Atan

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Remaja Melayu didapati paling banyak terbabit dalam jenayah di ibu kota disebabkan pengaruh rakan sebaya, tekanan hidup dan kemiskinan, demikian menurut kajian Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Presidennya Datuk Suhaimi Ibrahim berkata antara jenayah yang remaja itu terlibat ialah membunuh, cuba membunuh, samun tanpa senjata api atau bersenjata api, rogol, menyebabkan kecederaan, pelacuran dan vandalisme.

Katanya, kajian selama dua tahun bermula Jan 1995 itu juga mendedahkan bahawa remaja Melayu begitu lemah dan mudah terpengaruh dengan ajakan rakan-rakan sehingga sanggup melakukan apa sahaja untuk keseronokan.

Mereka juga mempunyai sifat mudah mempercayai orang lain dan menjadikannya "satu budaya" sehingga menyebabkan orang lain mengambil kesempatan ke atas diri mereka, katanya dalam satu temuramah dengan Bernama di sini baru-baru ini.

Suhaimi berkata, kajian itu dibuat sekumpulan penyelidik GPMS diketuai Setiausaha Agungnya Mohd Romei Ngah, sebagai panduan untuk gabungan itu mengambil langkah bagi membawa remaja-remaja terbabit pulang ke pangkal jalan.

Data dan maklumat bagi kajian itu diperolehi menerusi rekod polis, temubual dengan pegawai-pegawai polis, aktivis, kaunselor, tokoh agama, guru-guru dan menerusi lebih 12,000 borang kaji selidik yang diedarkan kepada para remaja di empat buah sekolah menengah dan remaja yang berpeleseran di tempat-tempat umum di sekitar ibu kota.

Menurut Suhaimi, remaja Cina menduduki tempat kedua dalam pembabitian dengan jenayah, diikuti belia India dan remaja dari kaum lain.

Sebagai contoh, katanya, perangkaan jenayah juvana yang direkodkan oleh polis menunjukkan bahawa daripada 290 remaja, berusia antara 12 dan 15 tahun, yang ditangkap kerana terlibat dalam jenayah pada 1995, 144 orang adalah Melayu manakala 103 lagi adalah Cina, 31 India dan 12 lain-lain bangsa.

Suhaimi berkata GPMS kini sedang merangka "Agenda Perdana", yang akan memberi tumpuan kepada program kesedaran pendidikan, kelas-kelas tuisyen bagi remaja yang akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia dan Penilaian Menengah Rendah, program membina semangat dan kemotivasi.

Katanya, kebanyakan daripada 250,000 anggota GPMS di seluruh negara merupakan lulusan pusat-pusat pengajian tinggi yang telahpun menyatakan kesediaan untuk membimbing remaja.

Program-program di bawah Agenda Perdana itu akan mula digerakkan setelah dibentangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang amat prihatin dengan isu ini, tambah Suhaimi.

-- BERNAMA

RA RHM